

# CITRA Meriza sedia dikritik pekerja

Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH  
**ABDULLAH**

adawiyah.koh@utusan.com.my

'HENDAK seribu daya tak hendak seribu dalih'. Itulah gambaran mengenai usaha Meriza Mustapha, 35 bersama suaminya, Azrul Rahim menguruskan perniagaan mereka, Maideasy Sdn. Bhd yang menawarkan perkhidmatan pembersihan.

Walaupun sibuk menguruskan syarikatnya, keluarga masih menjadi keutamaan bagi Meriza.

Malah, sebelum memulakan perniagaan ini awal Januari lalu, Meriza menjadi suri rumah sepenuh masa selama dua tahun.

Pun begitu, Meriza mengakui kewujudan pelbagai teknologi dan aplikasi Internet, memudahkan dia menguruskan perniagaan di rumah.

Ditanya tentang hubungannya dengan pekerja, Meriza mengamalkan sikap terbuka dengan pekerjanya.

Selain itu, Meriza mengamalkan saranan buku, *1 Minute Manager* agar meluangkan masa selama satu minit dengan pekerja setiap hari.

"Kami sentiasa berbincang dengan terbuka dan demokrasi. Jika kami ada sesuatu idea, seluruh pejabat akan berbincang idea tersebut."

"Kami tidak menghukum mereka yang memberi kritikan tulus walaupun bukan positif, kerana sifat kami yang sentiasa mahu maju ke hadapan," katanya.

Berkongsi tentang syarikatnya, Meriza sangat mengalu-alukan warga tempatan yang ingin menjadi pekerja pembersihan secara tetap atau sampingan.



## INFO

**NAMA PENUH:**

**Meriza Mustapha**

**UMUR:** 35

**Pendidikan:** Sarjana Muda Ekonomi dari University College London.

**KERJAYA:** Pengarah Pembangunan Perniagaan Maideasy Sdn. Bhd